

# KUNJUNGAN HORMAT DAN MESYUARAT PERJAWATAN BERSAMA SUK NEGERI PAHANG OLEH MTU BSM DAN BPSM KEMENTERIAN PERTAHANAN

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4936-kunjungan-hormat-dan-mesyuarat-perjawatan-bersama-suk-negeri-pahang-oleh-mtu-bsm-dan-bpsm-kementerian-pertahanan](https://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4936-kunjungan-hormat-dan-mesyuarat-perjawatan-bersama-suk-negeri-pahang-oleh-mtu-bsm-dan-bpsm-kementerian-pertahanan)



KUANTAN, 2 Mei 19 - Bagi membincangkan mengenai perjawatan TUDM, satu mesyuarat telah diadakan oleh Asisten Ketua Staf Sumber Manusia, Brig Jen Dato' Hj Md Fauzi bin Saleh TUDM bersama dengan Timbalan SUK Negeri Pahang (Pengurusan), Dato' Mohd Zakaria bin Ibrahim di Wisma Sri Pahang.

Hadir sama Setiausaha Bahagian (SUB) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), En Mazlan bin Abd Mutalib serta rombongan dari Bahagian Sumber Manusia, Markas Tentera Udara (MTU-BSM) dan BPSM serta wakil Istana Pahang.

Pertemuan ini juga secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama di antara Kementerian Pertahanan, SUK Negeri Pahang dan Istana Pahang.